



# FABD Moving Forward

ONE NATION : ONE VISION : ONE DIRECTION

Vol. 1 No. 3, Mac 2024



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman berkenan berangkat menyaksikan pertandingan Liga Belia Brunei Bawah 20 Tahun (BYL U-20) di Padang FABD, pada 1 Mac 2024. Juga berkenan berangkat ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman

Sumber Foto: Jabatan Penerangan

## SAFF BUKA PINTU KERJASAMA KEPADA FABD

JEDDAH, ARAB SAUDI, 21.Mac. – Persekutuan Bola Sepak Arab Saudi (SAFF) telah membuka pintu kerjasama dan menyokong penuh usaha Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) dalam bidang-bidang yang berpotensi untuk dimajukan dan membangunkan bola sepak di Negara Brunei Darussalam.

Lihat Muka 7

Presiden FABD, Feisal Eusoff menyampaikan cenderahati kepada Hicham El Amrani, Penasihat Kanan kepada Presiden SAFF selepas mengadakan pertemuan sempena lawatan rasmi FABD kepada SAFF di Arab Saudi





## PERUTUSAN PRESIDEN

### **Warga penggemar sukan bola sepak yang dihormati.**

Selamat membaca ke edisi ketiga risalah rasmi "FABD Bergerak Ke Hadapan," - buletin bulanan ini kami didedikasikan untuk membawa kepada anda berita terkini dan kemajuan FABD serta perkembangan Bola Sepak di Negara Brunei Darussalam.

Kami mengucapkan salam mesra kepada peminat setia kami yang merangkumi daripada 211 ahli Persatuan anggota FIFA di seluruh dunia.

Tarikh 26 Mac 2024 semestinya menjadai hari istimewa di hati kami di FABD, ia bukan sahaja perjalanan penuh cabaran 100 hari pertama bagi Jawatankuasa Eksekutif baru kami, tetapi juga, secara kebetulan, tarikh yang sama, kami mencapai kemenangan perlawanan bola sepak Antarabangsa yang pertama untuk Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Brunei.

Pencapaian ini adalah hasil kemenangan mendebarkan 3-2 menentang pasukan Vanuatu pada Siri Pertandingan Persahabatan FIFA 2024 yang dihoskan oleh Persatuan Bola Sepak Arab Saudi (SAFF) di Jeddah.

Sejujurnya, kemenangan bersejarah ini mencatat kebanggaan yang sangat besar setakat ini.

Merengung kembali perjalanan kami dari permulaan bola sepak di Brunei Darussalam pada tahun 1959 hingga ke hari ini, di mana kita berada di dekad ketiga abad ke-21, kemenangan pertama di peringkat antarabangsa ini merupakan dari pengorbanan dan ketabahan yang akhirnya menghasilkan pencapaian yang menyerlah.

Kami dengan ikhlas berharap bahawa 'trend' positif ini akan terus berlanjutan dan kami akan dapat mencapai lebih banyak kejayaan sebagai satu pasukan - Bergerak Ke Hadapan.

Tahniah kepada pemain-pemain muda kita atas prestasi luar biasa mereka, memperlihatkan ketabahan sejati dan semangat dalam setiap saat sepanjang perlawanan sehingga berjaya mengalahkan pasukan yang memisahkan 20 carta dalam kedudukan dunia di mana pasukan Vanuatu di tempat 174 sementara pasukan Brunei Darussalam berada di tempat 194.

Kejayan yang sangat berharga ini menjadi sernegi baru kepada keteguhan pemain-pemain bangkit untuk menutup senario kehampaan dari kegagalan pada perlawanan-perlawanan yang lalu.



Siri Pertandingan Persahabatan FIFA 2024 menjadi penyuntik semangat dan kesungguhan pasukan kita yang berjaya memperlihatkan kemampuan mereka untuk merebut kemenangan walaupun menghadapi cabaran yang besar.

Terima kasih, FIFA yang menganjurkan perlawanan dan AFC yang memberi kepercayaan dan laluan pasukan Negara Brunei Darussalam untuk mengharungi cabaran. Terima kasih juga pasukan Vanuatu kerana memberikan saingan yang hebat kepada pasukan kami.

Inilah pencapaian mengembirakan kami dalam perjalanan 100 hari pertama pentadbiran FABD sekaligus merupakan satu bukti kepada komitmen kami terhadap kemajuan bola sepak yang berterusan.

Saya menjemput semua pembaca untuk meninjau carta pencapaian 100 hari yang dipaparkan dalam isu ini.

Ia merupakan bukti kepada usaha bersama setiap jabatan di dalam FABD yang akan menjadi satu ciri tetap dalam FABD untuk Bergerak Ke Hadapan.

FABD akan terus berjaya dengan sokongan daripada semua masyarakat. Kita boleh mempunyai perbezaan pendapat, tetapi saya harap bahawa bergerak lebih jauh ke hadapan, bola sepak akan menyatukan kita semua.

Akhirnya, saya mengambil kesempatan menghulurkan ucapan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang.

Salam mesra,

Feisal Eusoff  
Presiden

Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD)



### PASUKAN BOLA SEPAK KEBANGSAAN WAKIL AFC DI FIFA SERIES DI ARAB SAUDI



**Pasukan** Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam mempunyai peluang terbaik untuk menampilkan aksi di pentas antarabangsa pada perlawanan Bola Sepak FIFA Series yang berlangsung di Jeddah, Arab Saudi.

Perlawanan julungkali yang dianjurkan oleh FIFA itu, dijadualkan beraksi pada empat buah negara sebagai hos venue perlawanan yang bermula 21 sehingga 26 Mac 2024.

Pasukan Bola Sepak Kebangsaan telah dipilih mewakili AFC dan dijadualkan bertemu dengan pasukan Bermuda dari Persekutuan Bola Sepak CONCACAF pada 22 Mac 2024 dan bertemu dengan pasukan Vanuatu, wakil dari OFC pada 26 Mac 2024.

Kedua-dua perlawanan dijadualkan berlangsung di Stadium King Abdullah Sport City, Jeddah. Perlawanan berkenaan merupakan salah satu inisiatif FIFA untuk mempromosi perlawanan antarabangsa di seluruh dunia yang mengumpulkan pasukan-pasukan kebangsaan dari enam konfederasi dalam perlawanan antara benua semasa jendela perlawanan FIFA.

Menurut statistik dari FIFA, Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kini berada pada tangga 194 dan pasukan Bermuda berada dalam kedudukan 171 sementara Vanuatu dalam berada pada tangga ke 170 dalam carta kedudukan FIFA

Lihat Muka 4





### FABD TERIMA JEMPUTAN RASMI SAFF

Dari Muka 3

Serentak dengan itu, Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) juga menerima jemputan Lawatan Rasmi daripada Persatuan Bola Sepak Arab Saudi (SAFF) bagi menjalin hubungan baik dan merapatkan kerjasama dalam memajukan pembangunan bola sepak bagi kedua belah pihak.

Delegasi FABD yang diketuai oleh Presiden FABD, Feisal Eusoff yang juga disertai oleh anggota Jawatankuasa Eksekutif FABD, Pegawai-pegawai Pembangunan Bola Sepak FABD, Pegawai Pengadil dan Pemasaran. Dua pegawai masing-masing dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menyertai delegasi sebagai inisiatif pelaksanaan kerjasama FABD bersama dengan agensi kerajaan yang berkaitan.

Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan rombongan rasmi FABD bertolak ke Arab Saudi pada 19 Mac 2024.



# RISALAH RASMI

## FOOTBALL ASSOCIATION OF BRUNEI DARUSSALAM



### DELEGASI RASMI FABD TIBA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KING ABDULAZIZ, JEDDAH



GALERI  
LAWATAN  
RASMI FABD



Delegasi FABD yang dalam rangka lawatan rasmi kepada Persekutuan Bola Sepak Arab Saudi (SAFF), tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdulaziz, Jeddah Arab Saudi, 20 Mac 2024.

Lawatan rasmi berkenaan merupakan undangan rasmi daripada Presiden SAFF bagi mengukuhkan lagi hubungan dan membuka peluang dalam bidang-bidang yang diperlukan oleh FABD. Beberapa mesyuarat, perbincangan dan lawatan ke venue-venue pembangunan bola sepak SAFF di Jeddah dan Riyadh telah disusun bagi menjayakan lawatan berkenaan.

Aspek pembangunan bola sepak dan futsal peringkat kebangsaan, wanita, belia dan pembangunan akar umbi di samping aspek infrastruktur, teknikal dan kemahiran pentadbiran serta tenaga manusia antara menjadi fokus lawatan delegasi FABD.

### Mesyuarat bagi persiapan lawatan rasm ke SAFF



GALERI  
LAWATAN  
RASMI FABD



JEDDAH, 20 Mac 2024



Delegasi FABD bersama Presiden FABD, Fesial Eusoff mengadakan mesyuarat bagi persiapan lawatan rasmi ke Ibu Pejabat SAFF dan membuat persiapan bagi mesyuarat rasmi yang dijadualkan Jeddah dan Riyadh.



GALERI  
LAWATAN  
RASMI FABD



JEDDAH, 20 Mac 2024

### MESYUARAT SECARA MAYA BERSAMA PENGARAH JABATAN TEKNIKAL SAFF

**Presiden** FABD dan delegasi mengadakan mesyuarat secara maya bersama Pengarah Jabatan Teknikal SAFF, Nasser Languet, di Jeddah pada 20 Mac 2024.

Nasser Laguet yang berperanan bagi menarajui perkembangan projek 'Grassroots' SAFF telah berjaya memberi impak besar kepada kejayaan akademi bola sepak akar umbi dan belia di Arab Saudi. Pada Mesyuarat berkenaan beliau telah mengkongsikan pengalaman dan strategi dalam mengendalikan program-program pembangunan dan akademi bola sepak yang menepati mensasarkan kejayaan SAFF.

Delegasi FABD juga berpeluang berkongsi dan bertukar pandangan dan pengalaman cara memajukan lagi bola sepak di negara Brunei Darussalam.





GALERI  
LAWATAN  
RASMI FABD



JEDDAH, 21 Mac 2024

### SAFF BUKA PINTU KERJASAMA KEPADA FABD



#### Dari Muka depan

Peluang sangat berharga itu telah dibincangkan semasa Pertemuan Presiden FABD, Feisal Eusoff dengan Penasihat Kanan kepada Presiden SAFF, Hicham El Amrani sempena lawatan rasmi FABD kepada SAFF di Jeddah, Arab Saudi, pada 21 Mac 2024

Pada pertemuan itu, SAFF telah menawarkan untuk memberi kerjasama dalam pembangunan kapasiti dan latihan untuk kakitangan teknikal, pengadil serta pentadbiran

Sementara itu, SAFF juga berminat untuk berkongsi maklumat mengenai akademi yang mereka lancarkan dalam menyokong ekosistem bola sepak yang lebih luas bagi memastikan kakitangan bukan teknikal dilatih dan berkelayakan.

Ia meliputi perkongsian maklumat mengenai sumber dan program SAFF dan FIFA seperti latihan dan kelayakan untuk pengurusan sukan yang boleh dicontohi dan direalisasikan penggunaannya di Negara Brunei Darussalam.



GALERI  
LAWATAN  
RASMI FABD



### SAFF BUKA PINTU KERJASAMA KEPADA FABD

JEDDAH, 21 Mac 2024



Dari Muka 7

Dalam pada itu, SAFF juga menawarkan untuk menjadi tuan rumah kepada pelatih melalui program penempatan di mana kakitangan FABD boleh belajar daripada rakan sejawat SAFF.

Sementara itu maklumat mengenai model kerjasama SAFF dengan kementerian dan badan kerajaan yang berkaitan di Arab Saudi yang telah membantu dengan kejayaan program tempatan dan antarabangsa. Sehubungan dengan itu, SAFF juga menawarkan untuk menghubungkan perwakilan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Jabatan Pendidikan dengan rakan sejawat di Saudi turut dikongsi bersama.

Dalam bidang pembangunan bola sepak wanita, SAFF juga membuka pengkongsian sejarah penuh pembangunan bola sepak wanita yang boleh membantu membina model dan kajian



# RISALAH RASMI

## FOOTBALL ASSOCIATION OF BRUNEI DARUSSALAM



### DIRAIKAN PADA MAJLS BERBUKA PUASA



GALERI  
LAWATAN  
RASMI FABD



RIYADH, 24 Mac 2024

**Tuan** Yang Terutama Haji Harun bin Haji Junid, Duta Besar, Mutlak dan Istimewa Negara Brunei Darussalam ke Riyadh Arab Saudi mengadakan majlis Berbuka Puasa bersama rombongan FABD yang mengadakan lawatan rasmi kepada Persekutuan Bola Sepak Arab Saudi (SAFF) di Jeddah dan Riyad, Arab Saudi, 19 hingga 28 Mac 2024.

Pada majlis berkenaan, Presiden FABD, Feisal Eusoff berkesempatan menjelaskan mengenai siri lawatan ke beberapa vena dan perjumpaan bersama Pegawai-Pegawai kanan SAFF yang berlangsung di Riyad.

TYT dan Presiden FABD juga bertukar pandangan semasa pembangunan bola sepak di Negara Brunei Darussalam.

Lihat Muka 10





GALERI  
LAWATAN  
RASMI FABD



RIYADH, 24 Mac 2024

### DIRAIKAN PADA MAJLS BERBUKA PUASA

Dari Muka 9



# RISALAH RASMI

## FOOTBALL ASSOCIATION OF BRUNEI DARUSSALAM



MESYUARAT BERSAMA PENERUSI JAWATANKUASA PENGADIL SAFF



GALERI  
LAWATAN  
RASMI FABD



RIYADH, 24 Mac 2024

Mesyuarat bersama Pengerusi Jawatankuasa Pengadil SAFF, Mamuel Navarro membuka peluang berbincangan dan bertukar idea untuk meningkatkan mutu pengadilan di Negara Brunei Darussalam.

Delegasi FABD telah disertai wakil dari Jabatan Pengadil, Awang Hadimin Shahbuddin, Pembangunan Pengadil FABD.

Pada mesyuarat itu, Mamuel Navaro menyambut baik usaha-usaha yang telah dilakukan oleh FABD di samping menyarankan agar pengadil FABD untuk menyertai program khas bertaraf FIFA agar pengadil-pengadil FABD dapat menerima peluang untuk ditugaskan mengadili sebarang kejohanan AFF, AFC dan FIFA.

Mesyuarat berlangsung di Ibu Pejabat SAFF di Riyadh, Arab Saudi 24 Mac 2024.





GALERI  
LAWATAN  
RASMI FABD



RIYADH, 24 Mac 2024

### SAFF kenalkan MYSAFF



**SAFF** berkongsi peranan dan keberkesanan aplikasi MySAFF yang telah banyak membantu untuk menangani kekurangan dalam pentadbiran dan cabaran komunikasi dalam ekosistem bola sepak. MySAFF telah menyediakan berbagai modul yang merangkumi pelbagai aspek dan memberi kemudahan operasi. Ke arah itu, SAFF turtut menawarkan dan memberi peluang kepada FABD untuk mengadakan latihan kakitangan kepada pihak SAFF dalam mendalami sistem tadbir urus MySAFF.





### LAWATAN KE PUSAT SIMULASI VAR SAFF



GALERI  
LAWATAN  
RASMI FABD



RIYADH, 24 Mac 2024



**Pusat latihan simulasi** 'Video Assistant Referee' (VAR) SAFF yang berteknologi tinggi menjadi tumpuan lawatan delegasi FABD. Ia merupakan kemajuan yang sangat memberangsangkan dalam usaha SAFF memerkembangkan bola sepak global.

Langkah untuk menubuhkan pusat bersatu bagi teknologi VAR itu juga bertujuan untuk meningkatkan mekanisme peraturan teknologi, di mana data perlawanan akan dikumpulkan dan dianalisis dengan lebih cepat.

Pusat bersepadu itu juga akan melatih pengadil menggunakan teknologi terkini VAR dan menjadi pusat yang diluluskan oleh Lembaga Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) untuk mengadakan kursus pengadil disitu.



# RISALAH RASMI FOOTBALL ASSOCIATION OF BRUNEI DARUSSALAM



GALERI  
LAWATAN  
RASMI FABD




RIYADH, 24 Mac 2024

## MESYUARAT BERSAMA JABATAN UNDANG-UNDANG DAN INTEGRASI SAFF



**Setiausaha** Undang-Undang SAFF, AbdulMajeed O. Barnawi berkongsi pengalaman dalam menyelesaikan perlawanan yang diaturkan dan perlawanan yang senghaja dimanipulasikan. Walaupun peranan jabatan berkenaan sangat mencabar, namun tatacara penyelesaiannya jika diurus dengan teratur, ia akan berjaya diselesaikan dengan jayanya.



MAC 2024

# RISALAH RASMI FOOTBALL ASSOCIATION OF BRUNEI DARUSSALAM



## BOLA SEPAK WANITA MENGIKUT KONSEP NEGARA ISLAM



GALERI  
LAWATAN  
RASMI FABD



RIYADH, 24 Mac 2024

FABD berhasrat untuk mempelajari daripada kejayaan SAFF dalam memajukan bola sepak wanita dalam kontak negara Islam. Semasa mesyuarat berkenaan, SAFF telah mengkongsikan cara pengendalian bola sepak wanita di Arab Saudi berlandaskan sebuah negara Islam. Mesyuarat dihadiri Timbalan Setiausaha Agung SAFF, Majed Al Sabih dan Aala Ali Rashed, Pengarah Jabatan Bola Sepak SAFF.





GALERI  
LAWATAN  
RASMI FABD



RIYADH, 24 Mac 2024

### BOLA SEPAK WANITA MENGIKUT KONSEP NEGARA ISLAM





MAC 2024  
**RISALAH RASMI**  
**FOOTBALL ASSOCIATION OF BRUNEI DARUSSALAM**




**LAWATAN KE AKADEMI MAHD**




GALERI  
LAWATAN  
RASMI FABD



RIYADH, 24 Mac 2024



MAHD Akademi mensasarkan untuk melahirkan ahli akademi yang bakal tampil juara dengan kejayaan mengangam pingat emas, menakjubkan dunia dan menjadikan kebanggaan negara Arab Saudi. Selaras dengan wawasan Saudi 2030, untuk menyumbang dan menyokong pembangunan sektor sukan di negara itu, Akademi MAHD telah dilancarkan pada Julai 2020 oleh Menteri Sukan Arab Saudi Putera Abdulaziz bin Turki al-Faisal sebagai projek kebangsaan terbesar untuk mengenal pasti dan membangunkan bakat sukan di Arab Saudi. Sebelum ini, akademi berkenaan telah berjaya menampilkan atlet-atlet yang cemerlang dalam beberapa sukan yang disertai.





GALERI  
LAWATAN  
RASMI FABD



RIYADH, 24 Mac 2024

### LAWATAN KE AKADEMI MAHD

Dari Muka 17



MAC 2024

# RISALAH RASMI

## FOOTBALL ASSOCIATION OF BRUNEI DARUSSALAM



### GALERI LAWATAN KE BANGUNAN IBU PEJABAT SAFF



GALERI  
LAWATAN  
RASMI FABD



RIYADH, 24 Mac 2024





GALERI  
LAWATAN  
RASMI FABD



### GALERI LAWATAN KE BANGUNAN IBU PEJABAT SAFF



Delegasi FABD meninjau secara dekat kemudahan prasarana di ibu Pejabat Persatuan Bola Sepak Arab Saudi (SAFF) di Riyadh. Lawatan berkenaan telah dialu-alukan oleh Nafil Fawaz Arab, Pegawai Kanan Perhubungan Antarabangsa SAFF yang juga memberi taklimat ringkas peranan ibu pejabat berkenaan.



# RISALAH RASMI

## FOOTBALL ASSOCIATION OF BRUNEI DARUSSALAM



### SAFF HOS MAJLIS IFTAR



GALERI  
LAWATAN  
RASMI FABD



SAFF menjadi hos bagi Majlis Iftar kepada delegasi FABD yang dalam rangka lawatan rasmi kepada SAFF.

Nafil Fawaz Arab, Pegawai Kanan Perhubungan Antarabangsa SAFF melahirkan rasa gembira dengan lawatan rasmi berkenaan sambil menyifatkan lawatan berkenaan akan membuka lembaran baru dalam hubungan kerjasama dan persefahaman yang erat bagi kedua belah pihak


"Saya berharap hubungan ini akan terus berkembang dan akan memberi manfaat kepada FABD dan SAFF, jelasnya ketika hadir pada majlis Iftar yang dihoskan oleh SAFF pada 28 Mac 2024.





# FIFA SERIES

## GROUP B, Saudi Arabia



**BERMUDA**



**BRUNEI**



**GUINEA**



**VANUATU**

Perlawanan Antarabangsa FIFA SERIES membuka lembaran terbaik bagi penyertaan pasukan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di pentas antarabangsa. Kejohanan yang dinamakan FIFA SERIES buat julungkali mempertemukan pasukan-pasukan yang mewakili konfederasi bola sepak dunia iatu juga menjadi cabaran kepada skuad negara untuk menayangkan prestasi di pentas antarabangsa yang bermula pada 20 sehingga 26 Mac 2024 di Arab Saudi.

Pasukan Bola Sepak Kebangsaan yang mengalas misi penting selepas dipilih mewakili konfederasi bola sepak AFC dijadualkan bertemu pasukan Bermuda dari Persekutuan Bola Sepak CONCACAF pada 22 Mac dan bertemu dengan pasukan Vanuatu, wakil dari OFC pada 26 Mac 2024. Kedua-dua perlawanan berlangsung di Stadium King Abdullah Sport City, Jeddah.

Menurut statistik dari FIFA, Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kini berada dikedudukan ke 194 dan pasukan Bermuda berada dalam kedudukan 171 sementara Vanuatu dalam ranking ke 170.

Perlawanan berkenaan merupakan salah satu inisiatif FIFA untuk mempromosi perlawanan antarabangsa di seluruh dunia yang mengumpulkan pasukan-pasukan kebangsaan dari enam konfederasi antara benua semasa jendela perlawanan FIFA.

Sebanyak 5 buah negara menjadi tuan rumah termasuk Algeria, Azerbaijan, Mesir, Arab Saudi dan Sri Langka.





### FIFA SERIES

### PRESIDEN FABD SUNTIK MOTIVASI PEMAIN KEBANGSAAN



#### JEDDAH, ARAB SAUDI 21 Mac. -

Penyertaan julung kali pasukan Bola Sepak Kebangsaan pada perlawanan 'FIFA Series' menjadi medan dan ujian terbaik kepada pemain-pemain kebangsaan beraksi di pentas antarabangsa.

Presiden FABD, Feisal Eusoff semasa menyuntik semangat pemain melahirkan rasa bangga atas penyertaan pasukan kebangsaan yang diberi peluang untuk beraksi di pentas antarabangsa dan yakin pasukan kebangsaan akan memberikan saingan yang sengit untuk mengangkat nama Negara Brunei Darussalam.

"Misi kitani di sini sangat berat dan penuh cabaran. Namun pemain-pemain perlu fokus untuk memberi saingan dan berusaha dengan gigih untuk menempuh segala cabaran." jelas Presiden FABD pada sesi perjumpaan dengan pemain di penginapan pemain Raddison Blu Jeddah Al Salam, di sini.

"Apa yang penting", katanya, keyakinan diri, berganding bahu dalam membentuk satu pasukan yang mantap adalah sangat penting dan mempamerkan permainan yang terbaik semuanya menjadi ramuan untuk menghasilkan semangat sepasukan sekaligus dalam membawa cabaran untuk menghadapi pasukan lawan.

Presiden FABD juga mengakui dan memahami situasi pemain yang tidak mencukupi latihan-latihan namun peluang dan perbelanjaan serta elaun sepenuhnya yang diberikan oleh pihak FIFA adalah menjadi tanggungjawab semua pemain untuk menanam jatidiri dengan penuh keyakinan dan iltizam untuk memberi hasil yang sangat positif kepada pasukan.



“

**Pemain perlu pamer kualiti permainan, semangat yang tidak kendur-kendur kerana pasukan kita berusaha gigih untuk menyumbang yang terbaik nama Negara Brunei Darussalam”, - Presiden FABD, Feisal Eusoff**

”



### FIFA SERIES

### PRESIDEN FABD SUNTIK MOTIVASI PEMAIN KEBANGSAAN







### FIFA SERIES

### SESI LATIHAN MENJELANG FIFA SERIES

**Ketua** jurulatih pasukan Kebangsaan, Mario Rivera Campesino mengakui anak buahnya telah menyangkan peningkatan prestasi dengan penuh semangat sepanjang menjalani latihan pada peersiapan terakhir menjelang perlawanan 'FIFA Series'.

"Perlawanan bertemu dengan pasukan Bermuda dan Vanuatu memang sangat mencabar di mana kebanyakan pemain-pemain dari pasukan itu telah menimba pengalaman dengan menyertai kejohanan pada liga-liga di negara Asia", jelas Mario.

Namun, ketua jurulatih itu yakin dengan barisan pemain-pemain generasi baru dengan mempunyai potensi yang tinggi dan peningkatkan prestasi serta semangat sepanjang latihan akan mampu memberi saingan yang menarik pada perlawanan itu nanti.

Presiden FABD dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD hadir menyaksikan sesi latihan yang berlangsung di Padang Kompleks Sukan Stadium King Adullah Jeddah.

Perlawanan Bola Sepak Antarabangsa 'FIFA Series' akan beraksi pada empat buah negara yang dihoskan oleh Negara Algeria, Azebaijan, Arab Saudi dan Sri Langka dengan melibatkan 24 pasukan mewakili dari enam Persekutuan Bola Sepak daripada benua-benua yang berbeza.

Perlawanan berkenaan dihasratkan untuk memberikan peluang kepada pasukan-pasukan bola sepak kebangsaan yang mewakili persekutuan dan benua masing-masing untuk bersaing dalam usaha meningkatkan mutu bola sepak global.





### FIFA SERIES




KHAMIS, 21 MAC 2024  
KING ABDULLAH SPORTS CITY

BRUNEI  
DARUSSALAM



BERMUDA



# 0 - 2



**JEDDAH, ARAB SAUDI, 22 MAC** – Pasukan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam terpaksa akur atas kekalahan 0-2 kepada pasukan Bermuda sekalipun berjaya memberikan saingan yang cukup menarik pada perlawanan FIFA Series di Stadium King Abdullah Sport City, Jeddah, Arab Saudi.

FIFA Series yang menampilkan aksi julung kali skuad kebangsaan di peringkat antarabangsa pada tahun ini juga perlu mendapat pujian atas kesungguhan dan prestasi saingan yang ditunjukkan sepanjang 90 minit perlawanan.

Awal minit perlawanan, pasukan Bermuda yang berada di ranking FIFA ke-170 lebih agresif menguji penjaga gol Brunei, namun benteng pertahanan anak buah Mario terlalu ampuh untuk dirobokkan sehingga ke wisel separuh masa pertama perlawanan

Lihat Muka 27.



### FIFA SERIES




KHAMIS, 21 MAC 2024  
KING ABDULLAH SPORTS CITY

BRUNEI  
DARUSSALAM



BERMUDA



# 0 - 2



Dari Muka 26

Babak kedua menyaksikan aksi lebih menarik dengan kebangkitan di mana kedua- kedua pasukan berusaha mencari jaringan, namun pasukan Bermuda lebih bernasib baik memperolehi dua jaringan menerusi pemain tengah, A Todd pada minit ke-80 dan Djair Parfitt-Williams menambah gol tiga minit sebelum masa tamat.

Sekalipun tidak berputus asa setelah ketinggalan jaringan, skuad muda negara bangkit mencari ruang untuk membolosi gawang lawan namun beberapa asakan yang mereka lakukan gagal menemui sasaran memperolehi jairngan.

Lihat Muka 28



### FIFA SERIES

### PERLAWANAN BRUNEI DENGAN PASUKAN BERMUDA




KHAMIS, 21 MAC 2024  
KING ABDULLAH SPORTS CITY

BRUNEI  
DARUSSALAM



BERMUDA



# 0 - 2

Dari muka 27

Ketua jurulatih pasukan bola sepak kebangsaan, Mario Rivera Campesino sudah menjangkakan anak buahnya akan menerima cabaran sepanjang 90 minit perlawanan.

“Pemain memberikan saingan yang seimbang sehingga menyukarkan pasukan lawan memecahkan benteng pertahanan sehingga 10 minit terakhir perlawanan,” ujarnya.

Mario turut memuji kesungguhan pemain-pemain yang berjaya memberikan saingan dan seterusnya mencipta beberapa peluang di depan gawang lawan.

“Secara keseluruhan pemain-pemain telah menunjukkan prestasi yang baik sambil menyifatkan kekalahan pasukannya perlu menjadi iktibar dalam membina satu pasukan yang lebih mantap,” tambahnya.





## FIFA SERIES

## PERLAWANAN BRUNEI DENGAN PASUKAN BERMUDA




KHAMIS, 21 MAC 2024  
KING ABDULLAH SPORTS CITY

BRUNEI  
DARUSSALAM



BERMUDA



# 0 - 2

Dari Muka 28





### FIFA SERIES



**SELASA, 26 MAC 2024**  
KING ABDULLAH SPORTS CITY

**BRUNEI**  
PERINGKAT FIFA : 194



**VANUATU**  
PERINGKAT FIFA : 170



# 3 - 2

PASUKAN bola sepak kebangsaan Brunei Darussalam melakar sejarah di pentas perlawanan antarabangsa selepas mengejutkan pasukan Vanuatu dengan jaringan 3-2 pada perlawanan Siri FIFA 2024 di King Abdullah Sport City di Jeddah, Arab Saudi, 26 Mac 2024.

Kemenangan itu sekaligus membalut kehampaan selepas kecundang 0-2 kepada pasukan Bermuda pada perlawanan pertama dalam kumpulan B.

Sentuhan menarik menerusi sepakan percuma pemain muda kebangsaan, Hakeme Yazid Said di minit akhir perlawanan membantu menukil sejarah baru persada bola sepak negara di pentas antarabangsa.

Pasukan wakil dari benua Oceania itu lebih awal lega apabila berjaya memperolehi jaringan pada minit ke-38 selepas Bong Kalo melepaskan rembatan kencang yang gagal di dakap kemas penjaga gol Brunei, Haimie Anak Nyaring susulan daripada rembatan kencang daripada Jonathan Spokey Jack.

Bagaimanapun, anak buah Mario berjaya bangkit meyamakan kedudukan 1-1 menerusi Syafiq Saifuddin Abdul Shariff diminit ke 52. Pertemuan semakin mendebarkan apabila pemain pertahanan Vanuatu, Kerry Lawak membantu meletakkan semula pasukannya di depan pada minit ke-70 tetapi Nurikhwan Othman berjaya menyamakan kedudukan 2-2 dua minit kemudian.

Ketika pertemuan bagi berkongsi jaringan, Hakeme menjadi hero pasukan Kebangsaan menerusi ledakan kencang gagal di selamatkan penjaga gol Vanuatu, Dgen Leo





## FIFA SERIES

## PERLAWANAN BRUNEI DENGAN PASUKAN VANUATU



SELASA, 26 MAC 2024  
KING ABDULLAH SPORTS CITY



BRUNEI PERINGKAT FIFA : 194 **VS** VANUATU PERINGKAT FIFA : 170

# 3 - 2





## FIFA SERIES

## PERLAWANAN BRUNEI DENGAN PASUKAN VANUATU



SELASA, 26 MAC 2024  
KING ABDULLAH SPORTS CITY



BRUNEI PERINGKAT FIFA : 194 **VS** VANUATU PERINGKAT FIFA : 170

# 3 - 2







## FIFA SERIES

## PERLAWANAN BRUNEI DENGAN PASUKAN VANUATU



SELASA, 26 MAC 2024  
KING ABDULLAH SPORTS CITY



BRUNEI PERINGKAT FIFA : 194 **VS** VANUATU PERINGKAT FIFA : 170

# 3 - 2





### FIFA SERIES

### PERLAWANAN BRUNEI DENGAN PASUKAN VANUATU



SELASA, 26 MAC 2024  
KING ABDULLAH SPORTS CITY

BRUNEI PERINGKAT FIFA : 194 **VS** VANUATU PERINGKAT FIFA : 170



# 3 - 2



Gandingan trio penjaring pasukan Bola Sepak kebangsaan Negara Brunei Darussalam ketika menewaskan pasukan Vanuatu yang berakhir dengan jaringan 3-2

Syafiq Safiuddin Abdul Sharif (52')  
Mohd Nurikhwan Othman (72')  
Hakeme Yazid Said (90+3')



# B-20

1 Mac 2024

## DPMM FC mara MARA KE SEPARUH AKHIR BELIA BRUNEI 2023/2024

Pasukan DPMM FC melangkah mudah ke peringkat separuh akhir selepas menewaskan pasukan Panchor Murai FC dengan jaranan 3-0 pada pertandingan Liga Belia Brunei Bawah 20 Tahun (BYL U-20) di Padang FABD, pada 1 Mac 2024.

Kemenangan pasukan DPMM FC diperolehi menerusi jaringan Safwan Zawawi Sazalee diminit ke 19, Md Hakeme Yaziq Said 45 dan AK Mohd. Shafiq Hilmi 78 untuk melengkapkan kemenangan bergaya ke atas pasukan Panchor Murai FC.

Sementara itu, pasukan Kasuka FC, IKLS-MBS FC dan Wasan FC masing-masing memastikan mereka mengengam slot layar ke perlawanan separuh akhir pada pertandingan edisi 2023/2024 ini.

Pada separuh akhir, pasukan Kasuka FC akan menguji kehebatan pasukan IKLS-MBS FC sementara Wasan FC akan berdepan dengan pasukan DPMM FC.



MAC 2024

RISALAH RASMI  
FOOTBALL ASSOCIATION OF BRUNEI DARUSSALAM



**B-20**  
1 Mac 2024

**DPMM FC mara**  
**MARA KE SEPARUH AKHIR BELIA BRUNEI**  
2023/2024



Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim' membarisi pasukan DPMM FC B-20 mempamerkan aksi menarik dan membantu menewaskan pasukan Panchor Murai FC dengan jargon 3-0 pada pertandingan Liga Belia Brunei Bawah 20 Tahun (BYL U-20) di Padang FARD pada 1 Mac 2024.



**B-20**  
10 Mac 2024

## DPMM FC juara LIGA BELIA BRUNEI BAWAH 20 2023/2024

Pasukan DPMM FC menjuarai Kejohanan Liga Belia Brunei Bawah 20 bagi edisi 2023/2024 selepas menewaskan Pasukan IKLS-M5 dengan jaringan 2-0.

Majlis Penyampaian hadiah kejohanan itu telah di sempurnakan oleh Presiden FABD, Feisal Eusoff, selaku tetamu kehormat kejohanan Perlawanan Peringkat Akhir di Padang FABD, 10 Mac 2024.

Pasukan DPMM FC yang menjuarai kejohanan juga memahat sejarah tersendiri apabila merangkul Anugerah 'Fairplay' dan jurulatih Hilmy bin Panjang diberikan Anugerah Jurulatih Terbaik. Sementara Danish Firdaus Rody Suhardy pula menjadi Pemain Terbaik.

Pasukan IKLS-MB5 menduduki tangga kedua kejohanan.

Sementara Pemain pasukan Kasuka FC, Haziq Syazwan memastikan memperolehi Anugerah Penjaring Terbanyak selepas menyumbat 11 sepanjang Liga berlangsung.

Majlis Penyampaian hadiah turut sampaikan oleh Timbalan Presiden FABD, Haji Mahrub bin Haji Murni dan Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat HiTUNE, Pengiran Haji Zamri bin Pengiran Haji Bujang.





**B-20**  
10 Mac 2024

# DPMM FC juara LIGA BELIA BRUNEI BAWAH 20 2023/2024



# 2 - 0



Pemenang Anugerah (dari kiri) :  
Pemain Terbaik U-20 - Danish Firdaus Roody Suhardy (DPMM FC)  
Penjaring Terbanyak - Haziq Syazwan (KASUKA FC)  
Jurulatih Terbaik - Coach Hilmy bin Panjang (DPMM FC)  
Anugerah Fair Play Team - DPMM FC



# U-15

1 Mac 2024

## DPMM FC juarai LIGA BELIA BRUNEI B-15 2023/2024

Pasukan DPMM FC menjuarai kejohanan Liga Belia Brunei Bawah 15 Tahun (Brunei Youth League U-15) edisi 2023/24 selepas menewaskan pasukan Kasuka 1-0 pada perlawanan akhir yang berlangsung di Padang A, FABD, 1 Mac 2024.

Jaringan sulung pasukan DPMM FC hasil rembatan leret penyerangnya, Yunus Poljarevic diseparuh masa kedua sudah cukup untuk memastikan pasukan didikan Mohammed Helme Panjang menjulang Piala Liga Belia Bawah 15 Tahun bagi edisi 2023/2024.

Pasukan Kasuka terpaksa akur menduduki tempat ke dua sekalipun berjaya memberikan saingan menarik dan mencipta banyak peluang namun barisan depannya gagal menterjemahkan sebarang jaringan.

Kejayaan cemerlang pasukan muda DPMM FC itu diceriakan lagi apabila pasukan itu dipilih selaku pasukan penerima anugerah 'Fair Play' dan Haji Mohd Subhi Abdilah Bakir menerima anugerah Jurulatih Terbaik sementara AK. Faris Fadillah dipilih selaku Pemain Terbaik kejohanan.

Sementara itu, pemain lincah daripada pasukan BSRC FC, Faris Ar-Rayyan Yahya telah menerima anugerah penjaring Terbanyak kejohanan.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Hitune, Pengiran Haji Zamri bin Pengiran Haji Bujang.

Hadir menyken perlawanan akhir ialah Presiden FABD, Feisal Eusoff dan ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD.

Kejohanan yang menampilkan format kalah mati itu telah disertai oleh 10 pasukan termasuk pasukan AKSE Bersatu, Wasan FC, DPMM FC, PBDP, TAFA, Panchor Murai FC, BSRC FC, Indera FC, Kasuka FC dan Projek Ikan Pusu.





# U-15

1 Mac 2024

### DPMM FC juarai LIGA BELIA BRUNEI B-15 2023/2024



# CHAMPION



Anugerah Terbaik (dari kiri) :

Pemain Terbaik U-15 - Ak Faris Fadillah (DPMM FC)

Penjaring Terbanyak - Faris Ar-Rayyan bin Yahya (BSRC FC)

Jurulatih Terbaik - Haji Subhi Abdillah Haji Bakir (DPMM FC)





# SEJENAK BERSAMA

## PG JUFRI PG HJ TAJUDIN

AHLI JAWATANKUASA  
EKSEKUTIF FABD  
(EXCO) FABD 2024-2028

### Mukadimah

Perlantikan Jawatankuasa Eksekutif (Exco) Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) bagi 2024-2028 memberi peluang untuk jawatankuasa yang dipilih akan memainkan peranan pro aktif dalam memajukan bola sepak dalam semua peringkat di Negara Brunei Darussalam.

Perlantikan ini juga menjadi tanggungjawab besar kepada semua ahli Exco untuk merangka strategi arah tuju FABD sepanjang tempoh penggal perlantikan bagi menghasilkan perkembangan secara berkesinambungan.

### Bina Kekuatan

Kita akui, penyertaan pasukan negara dalam perlawanan dan pertandingan bola sepak peringkat serantau dan antarabangsa dilihat maseh berliku dan memerlukan sebuah pasukan yang benar-benar solid untuk menandingi pasukan yang sudah maju.

Bagaimanapun, ia tidak membuktikan pasukan Kebangsaan kita sehingga kini tidak melakukan usaha untuk meningkat maju.

FABD akan terus gigih membina kekuatan pasukan dalam berbagai aspek terutama corak latihan, kemantapan pemainan dan pengurusan yang teratur.

“*Jika kerjasama dan sokongan dari semua pihak ini dapat di gerakkan, ia sudah tentu menjadi sernegi kepada kekuatan dan kebangkitan pasukan kebangsaan di masa-masa berikutnya.*”

Nilah menjadi cabaran besar yang kita semua hadapi, ia tidak hanya diletakan dibahu para pemain dan jurulatih, malah peranan itu juga perlu dipikul dengan kerjasama padu oleh semua pihak yang berkepentingan.

"Jika kerjasama dan sokongan dari semua pihak ini dapat di gerakkan, ia sudah tentu menjadi sernegi kepada kekuatan dan kebangkitan pasukan kebangsaan di masa-masa berikutnya".

### Gerak FABD ke hadapan

Kita perlu terus bertekad untuk sama-sama membawa FABD Bergerak Kehadapan dengan berusaha lebih gigih dan komitmen jitu sebagai langkah terbaik untuk merubah landskap bola sepak negara.

### Pentadbiran yang telus

Urustadbir yang cekap dan telus menjadi faktor utama bagi menyumbangkan sebuah organisasi dapat bergerak dengan jayanya.

Kita gembira dengan perancangan yang teliti dan teratur akan menghasilkan pentadbiran yang efesyen untuk merancang segala aktiviti FABD dengan sempurna.



# SEJENAK BERSAMA

## PG JUFRI PG HJ TAJUDIN

AHLI JAWATANKUASA  
EKSEKUTIF FABD  
(EXCO) FABD 2024-2028

### Kemajuan

Sejak perantikan EXCO baru ini, beberapa perancangan telah berjalan dengan berhasil malah FABD telah menghasilkan beberapa perubahan khususnya bagi memantapkan lagi mutu bola sepak di negara ini.

### Kerjasama

FABD perlu menyatukan dan merapatkan hubungan dengan semua kelab-kelab dan persatuan-persatuan bola sepak di negara untuk menghasilkan pemain-pemain dalam semua peringkat golongan usia untuk melahirkan satu pasukan yang mantap dalam jangka pendek dan panjang.

### Penubuhan Grassroot

Pemain Grassroot merupakan aset penting kepada kemajuan bola sepak masa depan. Pemain-pemain peringkat akar umbi perlu dilatih dan digilap secara bersistematik agar mereka terus menjiwai permainan bola sepak.

### Penutup

Kita yakin segala usaha yang telah dan akan di lakukan oleh FABD adalah sangat telus dan mempunyai sasaran yang signifikan kepada kemajuan dan perkembangan bola sepak di negara Brunei Darussalam sekalipun menerima hambatan cabaran-cabaran termasuk dari aspek arus kepesatan teknologi moden dan sumber tenaga manusia.

“  
***Pemain Grassroot merupakan aset penting kepada kemajuan bola sepak masa depan. Pemain-pemain peringkat akar umbi perlu dilatih dan digilap secara bersistematik agar mereka terus menjiwai permainan bola sepak.***  
”





## USAHA GIGIH MANTAPKAN PASUKAN BOLA SEPAK KEBANGSAAN




Pemain-pemain pasukan Kebangsaan perlu berusaha lebih gigih dalam semua aspek untuk membentuk pasukan bola sepak negara yang mampu meningkat maju dalam mengangkat nama Negara Brunei Darussalam di mata serantau dan antarabangsa dalam arena bola sepak.

Hasrat tinggi Presiden FABD, Feisal Eusoff itu disampaikan semasa memberi suntikan semangat kepada pemain-pemain dalam sesi pertemuan dengan pemain-pemain kebangsaan di FABD House pada 1 Mac 2024.

Perjumpaan berkenaan merupakan langkah utama Presiden untuk mendengar perkembangan, perolehan dan hasrat pemain-pemain secara terbuka. Ia juga peluang terbaik kepada pemain-pemain bertukar pandangan dan idea yang menjurus kepada sistem latihan dan kebajikan pemain.

“Sudah tentu pemain-pemain menghadapi berbagai cabaran dan halangan untuk memburu cita-cita tinggi ini. Namun kesungguhan dan usaha yang gigih tidak mustahil pasukan bola sepak negara Brunei Darussalam akan menempah kejayaan yang cemerlang suatu masa nanti”, ujar Feisal Eusoff.





### TDAFA BANGUN BOLA SEPAK DAERAH

Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) sebagai Indong bola sepak di negara ini sentiasa memberi perhatian mengenai perkembangan dan merapatkan kerjasama dengan kelab-kelab bola sepak di negara ini.

Sesi perjumpaan FABD dengan Persatuan Bola Sepak Amatur Daerah Tutong (TDAFA) menjadi landasan terbaik kedua belah pihak untuk bertukar pandangan dan makenisma bagaimana untuk memajukan bola sepak di daerah berkenaan.

Muzakarah itu juga akan membuka ruang kedua belah pihak untuk mengorak langkah positif kepada kelab-kelab dengan memberi pandangan dan menyampaikan permasalahan yang memerlukan perhatian FABD.

Presiden FABD, Feisal Eusoff melahirkan berhasrat untuk pergi ke kampung-kampung bagi membantu dan memberi perhatian kepada pemain-pemain akar umbi yang kurang berkemampuan agar mereka juga dapat tampil menjadi pemain yang berjaya.

Beliau juga melahirkan harapan agar persatuan bola sepak di daerah berkenaan berusaha lebih gigih dan terus menyusun program atay aktiviti yang menjurus memajukan bola sepak

Sementara itu, Pemangku Yang Di-Pertua TDAFA, Awang Haji Bujang bin Haji Jaafar menjelaskan persatuan daerah Tutong akan mengadakan Liga TDAFA pada hujung bulan April dan Kejohanan Grassroots pula akan diadakan pada bulan Mei.

Pada sesi perjumpaan itu juga mendengar taklimat perancangan aktiviti peringkat akar umbi daripada Unit Pembangunan Bola Sepak Akar Umbi, Jabatan Pembangunan Teknikal, FABD yang disampaikan oleh Awang Md Farid Hanis Ghassani Al-Muizz Haji Marali.

Hadir pada majlis ini ialah Setiausaha Agong TDAFA Matusin bin Sumpung. Perwakilan pengurus dan jurulatih kelab-kelab bola sepak di daerah Tutong.

Majlis berlangsung di Pejabat TDAFA, pada 8 Mac 2024.



### BICARA SUKAN RTB

**TIMBALAN** Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Haji Mahrub bin Haji Murni berkongsi pandangan dan harapan mengenai 'Masa Depan dan Hala Tuju Bola Sepak Negara' yang disiarkan oleh Radio Televisyen Brunei (RTB) dalam rancangan BICARA SUKAN pada 1 Mac 2024.

Sukan Bola Sepak terus berkembang dan menjadi sukan nombor satu diminati di seluruh pelusuk dunia. Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali menyaksikan pengemar sukan bola sepak yang sangat ramai dalam semua peringkat usia, bermula dari peringkat akar umbi, remaja, belia sehingga peringkat kategori veteran.

Inilah menjadi tanggungjawab yang besar kepada kami (Jawatankuasa Ekeskutif) yang menjarajui pertadbiran FABD untuk menjana kecemerlangan bola sepak negara yang sudah pasti amat dinantikan oleh semua rakyat di negara ini.

Ke arah itu, langkah awal yang dilakukan ialah dengan mengadakan kaji selidik yang meliputi aspek-aspek terutama dari segi perancangan yang menyeluruh agar langkah yang dilaksanakan boleh membantu

Kita juga perlu menjana perubahan-perubahan yang lebih substantif dalam perkembangan bola sepak dalam usaha mengangkat tahap bola sepak Brunei setara dengan rakan-rakan diperingkat antarabangsa.

FABD sudah tentu akan menghadapi cabaran-cabaran untuk memenuhi hasrat besar itu namun sesuatu itu tidak menjadi mustahil jika semua pihak berkerjasama dalam memainkan peranan dan memikul tanggungjawab bersama untuk mencapai impian bola sepak kitani ke mercu kejayaan.

Ketika ini, FABD sedang gigih mengadakan muzakarah dan mesyuarat konsultasi bersama pengurus-pengurus pasukan dan kelab-kelab dari semua peringkat sebagai menjadi landasan terbaik untuk mengetahui perkara-perkara yang perlu diambil perhatian dan digunapakai dalam memperbaiki mutu bola sepak kitani.

Seperti kitani ketahui bola sepak peringkat akar umbi merupakan satu aspek penting dalam memastikan kesinambungan bola sepak negara.



### BICARA SUKAN RTB

“

**Sebagai tampuk pengurusan yang baru, kami mengharapkan kerjasama dari semua pihak yang berkenaan untuk tampil memberi sokongan dan kerjasama yang tidak kendur-kendur untuk memastikan untuk memenuhi slogan kami - FABD Melangkah ke hadapan.** ”



Ramuan terbaik adalah kerjasama dan sirnergi daripada pihak-pihak yang terlibat seperti akademi bola sepak, sekolah-sekolah dan masyarakat secara umum khususnya peringkat kampung untuk sama-sama menyumbang idea, menyediakan prasarana dan kebajikan kepada pemain.

FABD juga merencana untuk menjadikan kejohanan Liga Bola Sepak Brunei ini lebih kompetitif dan berdaya siang sebagai dorongan semangat dan ketrampilan kelab-kelab dalam membangun kekuatan kelab masing-masing

Pada tahun ini, Pasukan Kebangsaan Brunei dijangka akan menyahut cabaran pada kejohanan-kejohanan serantau dan antarabangsa termasuk perlawanan persahabatan World FIFA Football Series yang dianjurkan oleh FIFA di Arab Saudi (22-26 Mac 2024). Sementara Kejohanan Futsal AFF di Bangkok pada bulan Mei depan.

Kejohanan yang kompetitif itu akan memberikan impak yang positif untuk pihak FABD menilai lebih ramai pemain-pemain muda yang berpotensi untuk serapkan kedalam pasukan kebangsaan.

Manakala beberapa perlawanan lain anjuran AFC dan AFF juga telah dijadualkan berlangsung pada tahun ini.

Sebagai tampuk pengurusan yang baru, kami mengharapkan kerjasama dari semua pihak yang berkenaan untuk tampil memberi sokongan dan kerjasama yang tidak kendur-kendur untuk memastikan untuk memenuhi slogan kami - FABD Melangkah ke hadapan.

Adalah besar harapan kami di FABD yang mahu melihat generasi baru akan memberi kesinambungan kepada legasi bola sepak yang terdahulu untuk menukil dan mengangkat persada bola sepak Negara Brunei Darussalam di peringkat serantau dan antarabangsa.



# M E S Y U A R A T

FABD bersama dengan Pengurus-pengurus kelab bola sepak 'grassroots'



Perjumpaan President Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) dengan Pengurus-Pengurus dan Jurulatih-Jurulatih pasukan akar umbi (grassroots) adalah langkah positif kedua belah pihak untuk membuka jalan bagi membentuk pemain-pemain 'grassroots' - supaya dapat dibimbing dengan cara teratur dan terarah.

Feisal Eusoff menyambut baik inisiatif penubuhan akademi bola sepak peringkat akar umbi yang sudah tentu akan memberi impak yang sangat berharga kepada pembangunan masa depan bola sepak negara.

"Kanak-kanak kitani yang meminati permainan bola sepak memang mempunyai kelebihan tersendiri dan memiliki potensi masing-masing. Kitani selaku pembimbing dan mengilap bakat mereka dengan cara yang bersestematik dan saintifik," jelasnya pada Mesyuarat FABD bersama dengan Pengurus-pengurus kelab bola sepak grassroots di FABD House, 1 Mac



Dalam pada itu, Presiden FABD juga menyarankan corak latihan asas bola sepak dapat diselaraskan agar mereka terbiasa dengan rentak atau 'pattern' latihan yang standard.

Namun, nilai tambah latihan yang lain adalah kelebihan dan kreatif jurulatih masing-masing untuk didedahkan kepada pemain-pemain akar umbi masing-masing.

Lebih 25 perwakilan yang terdiri daripada pengasas, pengurus dan jurulatih kelab bola sepak akar umbi hadir bagi sama-sama berbincang dan bertukar pandangan mengenai pasukan masing-masing.

Perjumpaan itu juga dilihat menjadi landasan terbaik untuk semua pihak menyuarakan keperluan-keperluan dan komitmen yang memerlukan perhatian daripada FABD.

Hadir pada mesyuarat berkenaan ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD, Mohd Sofrin bin Haji Serudin dan Mohd. Redzuan bin Haji Sulaiman. Juga hadir ialah Pegawai Pembangunan Belia FABD, Haji Omar bin Haji Jamil dan Pegawai Pembangunan Grassroots FABD, Md. Farid Haris bin Haji



# M E S Y U A R A T

FABD bersama dengan Pengurus-pengurus kelab bola sepak 'grassroots'



“ *Kanak-kanak kitani yang meminati permainan bola sepak memang mempunyai kelebihan tersendiri dan memiliki potensi masing-masing. Kitanilah selaku pembimbing dan mengilap bakat mereka dengan cara yang ber sistematik dan saintifik.* ”

*Corak latihan asas bola sepak dapat diselaraskan agar mereka terbiasa dengan rentak atau 'patern' latihan yang standard.*







## Junior Soccer

# Pemain akar umbi TUNJUK BAKAT

Lebih 60 pemain peringkat akar umbi menyertai Festival Bola Sepak Mini Junior di Padang Universiti Brunei, pada 3 Mac 2024.

Perlawanan yang dibukakan penyertaan kanak-kanak berusia 8 hinggg 10 tahun dan 11 hingga 12 tahun itu bertanding dalam format 3x3 dengan perlawanan pusing keliling.

Pemain yang mengikut perlawanan itu merupakan kanak-kanak yang menyertai sesi latihan 'Junior soccer' termasuk pasukan undangan dari Awat-Awat, Lawas Sarawak. Mereka menjalani latihan setiap hari Ahad, di Padang UBD.

Menurut Jurulatih, Awang Ibrahim Haji Abu Bakar majoriti pemain akademi Junior Soccer telah dilatih bermula asas sehingga mereka mengetahui cara bermain bola sepak seperti kawalan, rembatan, hantaran dan melarikan bola (dribbling).

"Sejak menyertai latihan, banyak kemajuan telah dicapai terutama cara permainan individu sehingga mereka memahami corak latihan yang diberikan. Perlawanan ini adalah petunjuk yang positif kepada kemajuan masa depan bola sepak kitani nanti.

Beliau berharap pemain-pemain berkenaan akan dapat diserapkan kepada kelab-kelab dan peringkat kebangsaan bagi peringkat pemain-pemain U14, U16 dan U18.

Timbalan Presiden FABD, Awang Haji Mahrub bin Haji Murni dan Ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD, Pengiran Haji Jufry bin Pengiran Haji Jaludin hadir menyaksikan perlawanan berkenaan.





# B-21

3 Mac 2024

## Pemilihan pemain B-21 PASUKAN KEBANGSAAN MENGALAKKAN



Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Feisal Eusoff melahirkan rasa optimis selepas menyaksikan sambutan yang menggalakkan dan semangat tinggi dari hampir 400 pemain bola sepak yang menyertai sesi pemilihan untuk diserapkan kepada pasukan bola sepak kebangsaan bagi usia Bawah 21 Tahun.

"Kesungguhan pemain-pemain untuk mempamerkan potensi masing-masing sangat membanggakan.

"Kita perlu berusaha gigih memantapkan permainan masing-masing, mempunyai disiplin dan keteguhan fizikal serta berstamina tinggi, serta komited, jika kamu bercita-cita tinggi untuk menyarungi jersi kebangsaan," jelasnya, sejurus berakhirnya sesi pemilihan di Padang FABD, pada 3 Mac 2024.





# B-21

3 Mac 2024

## Pemilihan pemain B-21 PASUKAN KEBANGSAAN MENGALAKKAN



Sekalipun berbeza latar belakang, namun tekad dan semangat tinggi para pemain sangat terserlah, sekaligus membuktikan keazaman mereka untuk sama-sama membantu perkembangan dan kejayaan bola sepak di negara ini.

Menurut Presiden FABD, senario ini menggambarkan satu perkembangan yang sangat positif kepada perkembangan bola sepak negara, sekalipun membayangi cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh semua pihak.

“Apa yang penting ialah kerjasama dan komitmen yang perlu dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai segala cita-cita. Dalam pada itu, para pelajar juga jangan sekali-sekali mengabaikan pembelajaran masing-masing kerana ia juga sangat penting bagi masa depan kita,” jelas Presiden semasa menyampaikan ucapan nasihatnya.

Sesi pemilihan telah dibukakan kepada pemain yang lahir pada tahun 2005, 2006, 2007 dan 2008, telah disertai oleh pemain-pemain yang beraksi di kelab-kelab Liga Belia Brunei dan pemain-pemain yang tidak mempunyai sebarang kelab.

Menurut ketua penyelaras pemilihan, Aminuddin bin Jumat, sebilangan pemain telah dikenal pasti, namun melalui pemilihan selama dua hari itu akan membantu untuk mencari lagi pemain-pemain berpotensi supaya diserapkan ke dalam pasukan.

Katanya, sebilangan pemain telah mencapai kriteria yang diinginkan, namun mereka perlu digilap agar potensi mereka dapat dikembangkan lagi.

“Kita sangat berterima kasih kepada ibubapa pemain yang memberi sokongan moral kepada pemain-pemain untuk hadir pada sesi pemilihan, sekalipun memberi impak yang positif kepada semangat pemain-pemain itu sendiri,” ujarnya.

Juga hadir pada sesi pemilihan selama dua hari itu ialah Timbalan Presiden FABD, Haji Mahrub bin Haji Murni dan ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD.

“**Kesungguhan pemain-pemain untuk mempamerkan potensi masing-masing sangat membanggakan.**”



**B-21**  
3 Mac 2024

# Pemilihan pemain B-21 PASUKAN KEBANGSAAN MENGALAKKAN





# 100 DAYS ACHIEVEMENTS TIMELINE

## 100 Hari

### 26HB MAC 2024

Brunei berjaya dalam perlawanan antarabangsa pertama: Brunei 3-2 Vanuatu

## Official visit to SAFF

### Riyadh

#### 23 - 25HB MAC 2024

- Perjumpaan dengan Jawatankuasa Pengadil
- Perjumpaan dengan Pengarah Jabatan Inovasi dan Teknologi
- Lawatan ke Pusat Latihan Simulasi VAR SAFF
- Perjumpaan dengan Jabatan Integriti dan Undang-Undang SAFF
- Perjumpaan dengan Timbalan Setiausaha Agung dan Pengarah Bola Sepak Wanita
- Lawatan ke Akademi MAHD

## Rangkaian

### 13HB - 23HB MAC 2024

Menubuhkan hubungan tempatan, serantau, dan antarabangsa.

## Pembangunan Bola Sepak

### 14HB FEBRUARI - 12HB MAC 2024

- Mengadakan pemilihan Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Bawah-23.
- Menganjurkan perlawanan Pasukan Kebangsaan menentang pasukan Bintang-Bintang BSL.
- Pertemuan di kalangan Ahli Kongres. Menganjurkan Kongres Luar Biasa FABD 2024
- Menghidupkan semula Liga Belia Brunei 2023 (U-15 dan U-20).
- Mengadakan pemilihan Pasukan Bola Sepak Bawah-21
- Mengadakan pemilihan Pasukan Bola Sepak Bawah-17

## Titik Perubahan Utama

### 20HB JANUARI 2024

- Idea untuk menerbitkan buletin "FABD Moving Forward" telah diluluskan.
  - Tempatan
    - Lawatan hormat kepada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS), Kedutaan Amerika Syarikat, Kedutaan Jepun.
    - Perjumpaan dengan Jabatan Pendidikan Kementerian Pendidikan.
  - Sektor Serantau
    - Menjalini perkongsian dengan KLFA (Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur).
  - Sektor Antarabangsa
    - Terlibat dalam perbincangan dengan Setiausaha Agung AFC.
  - Memperolehi Kelulusan dan Sokongan AFC.
  - FIFA World Football Summit 2023
  - Berjumpa dengan Presiden FIFA, Tuan Gianni Infantino.
  - Memperoleh Sokongan FIFA.

## Pemilihan Jawatankuasa Eksekutif

### 16HB DISEMBER 2023 - 14HB JANUARI 2024

Kemungkinan Pilihan Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)

## Perlawan FIFA Series 2024

### Brunei vs Bermuda

(PERINGKAT FIFA: 194) vs (Peringkat FIFA: 170)

#### 21HB MAC 2024

Brunei tewas 0-2 kepada pasukan Bermuda

### Brunei vs Vanuatu

(PERINGKAT FIFA: 194) vs (Peringkat FIFA: 172)

#### 26HB MAC 2024

Brunei telah memenangi perlawanan dengan pasukan Vanuatu dengan jaringan 3-2.

## JEDDAH

### 19-23HB MAC 2024

- Perjumpaan Zoom bersama Jabatan Teknikal SAFF
- Perjumpaan bersama Penasihat Kanan kepada Presiden SAFF

## Risalah Rasmi Edisi Kedua

### 4HB MAC 2024

Pengeluaran isu Februari 2024 "FABD Moving Forward".

## Pelancaran Risalah Rasmi Edisi Pertama

### 21HB FEBRUARI

Pelancaran rasmi "FABD Moving Forward" dalam edisi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

## Pentadbiran

### 15HB JANUARI - 13HB FEBRUARI 2024

#### Pentadbiran

Mengoptimumkan proses pentadbiran untuk operasi yang lebih efisien.

MAC 2024

# RISALAH RASMI

## FOOTBALL ASSOCIATION OF BRUNEI DARUSSALAM



Selamat Hari Raya



Sambutlah hari yang fitri dengan senyuman dan kegembiraan, sampaikan kasih sayang kepada yang tersayang.

Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin.

Daripada  
FABD Management & Staff



# BOLEH LAYARI ISSU

## SILA HUBUNGI FABD

Risalah rasmi FABD akan memberi peluang kepada orang ramai untuk memberi pandangan membina dan pertanyaan mengenai FABD dan Bola Sepak Brunei.

Anda boleh menghubungi kami melalui saluran seperti:

e-mel :

FABDNEWSLETTER@GMAIL.COM

Sila berikan kami nombor kad pengenalan, alamat, dan nombor telefon bimbit anda untuk memudahkan kami menghubungi anda

Terima kasih



**IMBAS SINI**

FABD ISU

## SIDANG REDAKSI

**Presiden :** Feisal Eusoff

**Editor 1 / Timbalan Presiden:** Haji Mahrub Bin Haji Murni  
(Media dan Perhubungan)

**Editor 2 / Pemangku Setiuasaha Agung FABD,** Haji Matali bin Haji Md. Tahir

**Editor 3 / Fotografi :** Samle Jait

**Designer :** Hajah Nooranisah Haji Idris



FOOTBALL ASSOCIATION *of*  
BRUNEI DARUSSALAM